

Anwar pesan calon, ahli pastikan proses berlangsung penuh etika

Presiden ingatkan demokrasi dalaman parti perlu diperkukuh demi masa depan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua calon dan ahli PKR supaya memastikan proses pemilihan parti itu berlangsung dalam semangat kekeluargaan dan penuh etika.

Perdana Menteri yang juga Presiden PKR berkata, pemilihan PKR kali ini perlu berlangsung dalam keadaan baik dan terhindar daripada budaya pecah belah.

Katanya, demokrasi dalaman parti adalah perkara yang perlu diberi penekanan.

“Selamat mengundi dan selamat maju jaya kepada semua calon serta anggota Keadilan dalam

pemilihan parti kali ini.

“Proses ini harus berlangsung dalam semangat kekeluargaan dan penuh etika, menjauhi budaya yang memecahbelahkan. Demokrasi dalaman parti perlu diperkukuh demi masa depan yang lebih utuh,” katanya menerusi kenyataan di laman Facebook, di sini semalam.

Wadah perjuangan rakyat

Anwar berkata, Keadilan bukan sekadar parti politik, ia juga berperanan sebagai wadah perjuangan rakyat.

Sehubungan itu, beliau berharap ahli PKR membuat pilihan yang tepat dalam memilih pucuk pimpinan parti itu.

“Maka, pilihlah kepemimpinan yang berintegriti, amanah dan benar-benar membawa suara rakyat terbanyak.

“Insya-Allah usaha dan ikhtiar kita akan dipermudahkan demi Malaysia yang lebih adil dan makmur untuk semua,” katanya.

Pemilihan pimpinan pusat PKR dijangka berlangsung pada 24 Mei, bermula dengan pemilihan peringkat cabang mulai semalam hingga 20 April depan.



Anwar mahu proses pemilihan PKR berlangsung dalam keadaan baik dan terhindar daripada budaya pecah belah.

(Foto fail NSTP)